



Trump yang cedera di telinga dibawa keluar pengawal keselamatan.

(Foto AFP)

Anwar kecam cubaan bunuh bekas Presiden AS

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengutuk cubaan membunuh bekas Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump di perhimpunan kempen pemimpin Republikan itu di Pennsylvania pada Sabtu.

Beliau mengecam tindakan seumpama itu dan menyifatkan serangan terbabit bukan ja-

lan penyelesaian.

“Kita baru dapat maklumat awal. Apapun pendirian kita tentang mana-mana tokoh, ini bukanlah cara penyelesaian,” kata beliau kepada pemberita dalam satu majlis di sini, pada Ahad.

Beliau turut menzahirkan simpati kepada Trump dan mengharapkan keadaan terkawal.

BERNAMA